

05 JUN 2003

Kasitah-Akta

AKTA KOPERASI 1993 AKAN DIPINDA UNTUK LICINKAN PENGURUSAN

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi sedang mengkaji untuk membuat pindaan ke atas Akta Koperasi 1993 bagi melicinkan lagi pengurusan dan perjalanan pertubuhan-pertubuhan koperasi dalam negara.

Menterinya Tan Sri Kasitah Gaddam berkata sekarang Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) sedang meneliti setiap seksyen di bawah akta itu bagi melihat kemungkinan-kemungkinan untuk pindaan.

"JPK telah mengenal pasti beberapa seksyen yang perlu dibuat pindaan yang mana ada di antara peraturan-peraturan di bawah seksyen-seksyen ini telah menyekat kelicinan pengurusan dalam sektor koperasi di negara ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Pertama Koperasi Kontraktor Melayu Malaysia Bhd di sini hari ini.

Beliau memberi contoh, terdapat satu seksyen yang tidak memberi kuasa kepada JPK untuk campurtangan dalam pengurusan koperasi dan ini, katanya, telah menyebabkan penyelewengan berleluasa dalam koperasi itu.

Katanya pindaan terhadap Akta Koperasi 1993 perlu dibuat untuk melihat koperasi bergerak lebih efisien yang sekali gus membantu kerajaan merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

"Pindaan itu dibuat untuk menentukan koperasi-koperasi ini diurus dengan telus dan mengikut keputusan yang dibuat semasa mesyuarat agung tahunan," katanya.

Kasitah menjangkakan usul pindaan akta tersebut akan dibawa ke Parlimen pada Oktober tahun ini.

Terdahulu dalam ucapannya, Kasitah berkata ramai ahli lembaga pengarah pertubuhan koperasi di negara ini kurang mahir dalam bidang perniagaan dan tidak mempunyai pengetahuan yang lengkap mengenai undang-undang koperasi negara.

Katanya keadaan itu menyebabkan pertubuhan koperasi terbabit kurang maju.

Sehubungan dengan itu, Kasitah berkata kementerian telah mewajibkan setiap ahli lembaga pengarah menghadiri kursus yang dianjurkan oleh kementerian.

Katanya peranan pertubuhan koperasi negara ini adalah penting untuk membantu menjana ekonomi dan ia perlu diuruskan dengan bijak memandangkan aset terkumpul koperasi yang ada sekarang ini berjumlah RM19.1 bilion dan nilai sahamnya pula adalah RM4.4 bilion dengan keahlian terdiri daripada 5.2 juta rakyat Malaysia.

Mengenai penubuhan Koperasi Kontraktor Melayu Malaysia Bhd, Kasitah berkata ia sememangnya satu langkah yang bijak memandangkan kesemua anggotanya mahir dalam bidang perniagaan dan mempunyai pengaruh yang luas.

Sementara itu, Pengerusi koperasi itu, Datuk Muhammad Muhiyuddin Abdullah berkata koperasi itu akan menjelajah ke seluruh negara mulai bulan ini untuk membuat promosi bagi menarik lebih ramai ahli.

Katanya sekarang jumlah anggota koperasi itu ialah kira-kira 100 orang dan ia mensasarkan untuk menambah jumlah anggota kepada 1,000 orang menjelang akhir tahun ini.

Koperasi itu ditubuhkan secara rasmi pada 17 Mac 2003 dan anggotanya terdiri daripada kontraktor-kontraktor Melayu tanah air.

-- BERNAMA

NN KHY ZB